



Ruj.Kami : Prk.ML. 08/35-22 (24)
Tarikh : 2 Februari 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H Dato`/Tuan,

PEKELILING DASAR PELESENAN BERHUBUNG TUNTUTAN HAK MILIK OLEH AGENSI KEWANGAN KE ATAS VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN YANG BERLESEN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah mewujudkan Pekeliling Dasar Pelesenan berhubung tuntutan hak milik oleh Agensi Kewangan ke atas vesel penangkapan ikan tempatan yang berlesen dimana setiap buku lesen vesel penangkapan ikan tempatan hanya dibenarkan **mempunyai satu (1) cop sahaja** bagi tuntutan hak milik dari Agensi Kewangan.

3. Perkara ini hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya oleh semua Pejabat Perikanan Negeri (PPN) bagi mengelakkan pertindihan tuntutan hak milik oleh Agensi Kewangan ke atas vesel penangkapan ikan tempatan yang berlesen. Walau bagaimanapun, sekiranya pemilik vesel membuat pinjaman baru serta melakukan 'overlap' ke atas pinjaman lama dan mendapat kelulusan dari Agensi Kewangan berkenaan, maka PPN **boleh membatalkan cop tuntutan hak milik lama dan menggantikannya dengan cop tuntutan hak milik yang baru** dari Agensi Kewangan berkenaan.

4. Selaras dengan itu, Y.H. Dato`/Tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas arahan ini yang berkuat-kuasa **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



5. Kerjasama dan tindakan daripada Y.H. Dato`/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Ibu Pejabat Perikanan

PUTRAJAYA

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

~~Pengarah Perikanan Negeri Pahang~~

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan